



**TITAH DIRAJA**

**SEMPENA**

**MAJLIS JAMUAN TEH BERSAMA RAKYAT MALAYSIA  
DI EMIRIAH ARAB BERSATU**

**PADA**

**12 JUN 2019 [SABTU]  
BERSAMAAN 9 SYAWAL 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI**

**ABU DHABI, EMIRIAH ARAB BERSATU**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

YANG BERHORMAT SENATOR DATO' MARZUKI YAHYA;  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI.

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI MUHAMMAD SHAHRUL IKRAM YAAKOB;  
KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN LUAR NEGERI.

TUAN YANG TERUTAMA DATO' SYED MOHD HASRIN TENGGU HUSSIN;  
DUTA BESAR MALAYSIA KE EMIRIAH ARAB BERSATU.

HADIRIN HADIRAT RAKYAT MALAYSIA YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH. SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA  
KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA-NYA, DAPAT SAYA BERANGKAT HADIR KE  
MAJLIS JAMUAN TEH BERSAMA RAKYAT MALAYSIA DI EMIRIAH ARAB BERSATU  
SEMPENA LAWATAN KHAS SAYA KE NEGARA INI.

SAYA TELAH DISEMBAH MAKLUM; TERDAPAT HAMPIR 6,700 RAKYAT MALAYSIA  
YANG MENETAP DAN Mencari REZEKI DI NEGARA INI. PERKARA INI TIDAK LAH  
MENGHAIRANKAN; KERANA DATA RASMI MENUNJUKKAN POPULASI WARGA ASING  
ADALAH LEBIH RAMAI DARI POPULASI WARGANEGARA EMIRIAH ARAB BERSATU.

MENURUT BUKU LAPORAN EMIRIAH ARAB BERSATU BAGI TAHUN 2017;  
WARGANEGARA INI HANYA MENGISI SEJUMLAH 27,000 DARI 5 JUTA PEKERJAAN  
DALAM SEKTOR SWASTA DAN MENGISI 60 PERATUS PEKERJAAN SEKTOR  
KERAJAAN.

HAKIKATNYA; NEGARA INI ADALAH MERUPAKAN SEBUAH NEGARA TEMPAT Mencari Rezeki bagi hampir 200 pelbagai warganegara dari seluruh pelusuk dunia. Sudah pasti; ini menjurus kepada satu lanskap pekerjaan yang sangat kompetitif dan kompleks.

Lanskap dunia pada masa hadapan juga akan berubah. Teknologi automasi dan sistem maklumat bakal menggantikan kebanyakan pekerjaan yang dilakukan oleh manusia.

Sehubungan itu; rakyat Malaysia di negara ini wajar berusaha mempelajari kemahiran baru dan menjadi pekerja yang "multi-disciplines" serta "multi-skills" bagi menambah daya saing dalam lanskap pekerjaan yang kompetitif ini.

Selain itu; rakyat Malaysia juga mestilah sentiasa bekerja dengan gigih, ikhlas dan mengamalkan integriti yang tinggi. Wujudkan hubungan yang baik dengan majikan serta rakan pekerja dari negara-negara lain.

Saya turut ingin mengingatkan rakyat Malaysia untuk sentiasa mematuhi undang-undang negara ini. Hindari-lah dari sebarang perlakuan jenayah dan jangan-lah sekali-kali terlibat dalam aktiviti keganasan.

Nama baik negara dan keluarga harus di jaga walau di mana sahaja kita berada. Pandai-pandai-lah membawa diri di rantau orang. Pepatah Melayu lama ada berpesan:

"Kalau pandai meniti buih; selamat badan sampai ke seberang."

Rakyat Malaysia yang saya kasihi sekalian.

Saya percaya lawatan singkat saya ke negara ini akan berupaya menyumbang ke arah pengukuhan hubungan dua hala sedia ada yang telah sekian lama terjalin akrab di antara Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu.

Laporan ekonomi negara tahun 2018 merekodkan jumlah perdagangan Malaysia dengan Emiriah Arab Bersatu adalah sebanyak ringgit Malaysia 17.8 billion. Ini adalah satu jumlah yang lebih tinggi berbanding negara-negara lain di rantau ini. Jelas nya; Emiriah Arab Bersatu adalah rakan dagang terbesar Malaysia di rantau ini.

SELAIN RAKAN DAGANG TERBESAR; IKATAN PERSAHABATAN DAN KEMESRAAN YANG TERJALIN DI ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA INI TURUT MENCAKUPI HUBUNGAN POLITIK SERTA KERJASAMA ERAT DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUKLAH KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEGANASAN.

JUSTERU, ADALAH WAJAR BAGI KERAJAAN MALAYSIA UNTUK TERUS MEMPERKUKUH IKATAN PERSAHABATAN DAN HUBUNGAN ERAT YANG TELAH SEKIAN LAMA TERJALIN INI. PELBAGAI PELUANG DAN BIDANG BARU WAJAR DITEROKAI BAGI MEMBERI KEUNTUNGAN SERTA FAEDAH KEPADA KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

SESUNGGUHNYA; NEGARA KITA ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA. KEJAYAAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK DI ATAS BAHU SETIAP RAKYAT. SAMA-SAMALAH KITA MENJAGA DAN MEMARTABATKAN NEGARA KITA MALAYSIA.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA MENDOAKAN AGAR SEKALIAN RAKYAT MALAYSIA YANG MENETAP DI NEGARA INI SENTIASA DILINDUNGI, DIBERKATI DAN DIRAHMATI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA.

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI. MAAF ZAHIR DAN BATIN.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته